

BAB 3

PELAKSANAAN ZAKAT PERTANIAN DALAM KONTEKS MALAYSIA

3.0 Pendahuluan

Pertanian sudah terkenal sejak kemajuan pertanian kerajaan Saba'¹ yang masyhur dengan tanaman yang luas dan subur, ini telah dirakam oleh Allah s.w.t dalam surah Saba' ayat 15:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ ۖ جَنَّاتٍ عَن يَمِينٍ وَشِمَالٍ ۖ كُلُوا مِمَّن رَزَقِكُمْ رَبُّكُمْ
وَأَشْكُرُوا لَهُ ۗ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ ۚ وَرَبُّ غَفُورٌ

Surah Saba 24: 15

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) Yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang Luas lagi subur), Yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadanya; (negeri kamu ini adalah) negeri Yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun.

Agar manusia memerhati akan kebesaran kuasa Allah s.w.t dengan mengurniakan pelbagai jenis nikmat tanaman sepertimana firmanNya juga dalam surah Surah 'Abasa ayat 31:

وَفَيْكِهِتٍ وَأَبَّا

Surah 'Abasa 80: 31

Terjemahan: Berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput².

¹ Kerajaan Saba' terletak di Yaman dan mula berdiri pada tahun 950 S.M. Pada mulanya ia hanya berdiri sebagai satu kerajaan yang kecil saja; kemudian bertambah menjadi lebih besar dan meluas, sementara itu kerajaan Ma'in dan Qutban semakin kecil dan lemah, akhirnya roboh dan dipusakai kekuasaannya oleh kerajaan Saba'; bahkan Hadramaut juga digabungkan dengan Kerajaan Saba' ini. Kerajaan Saba' berdiri dengan megahnya pada tahun 115 S.M.

² Surah 'Abasa 80: 25-31.

Peranan *darūri* sektor pertanian sebagai sumber makanan dan sumber ekonomi manusia berdasarkan firman Allah s.w.t Surah al-Mu'minun 23: 19-20³

فَأَنْشَأْنَا لَكُمْ بِهِ جَنَّاتٍ مِّنْ خَيْلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَاوَاكِهِ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿١٩﴾
وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِنْ طُورِ سَيْنَاءَ تَنْبُتُ بِالذُّهْنِ وَصَبْغٍ لِلْأَكْلِينَ ﴿٢٠﴾

Surah al-Mu'minun 23: 19-2

Terjemahan: Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu Dengan air itu, kebun-kebun tamar (kurma) dan anggur. kamu peroleh Dalam kebun-kebun itu (berbagai jenis lagi) buah-buahan Yang banyak, dan dari kebun-kebun itulah kamu peroleh rezeki penghidupan kamu. dan (Kami juga menumbuhkan untuk kamu) pokok Yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina, Yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang Yang makan.

Hakikat pengurusan zakat pertanian di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri berdasarkan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan⁴. Justeru, terdapat kepelbagaian dasar dan hukum yang ditetapkan oleh Jabatan Mufti Negeri melalui Jawatankuasa Fatwa dan Majlis Agama Islam Negeri berpandukan kepada Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing.

Bab ini akan membincangkan zakat pertanian dan pengurusannya di lima buah negeri yang menjadi subjek kajian iaitu di Selangor, Sarawak, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis.

³ Surah al-Mu'minun 23: 19-20.

⁴ Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II (Negeri).

3.1 Pertanian Di Malaysia

Sektor pertanian di Malaysia telah berkembang sejak awal kemerdekaan 1957 lagi dan telah menyumbangkan kepada Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK) sebanyak 46%⁵. Pada tahun 1970-an, peranan utama sektor pertanian ketika itu sebagai eksport utama, sumber pendapatan eksport yang digunakan bagi mencapai objektif sosioekonomi, peluang pekerjaan yang terbuka dan sebagai pembekal sumber utama makanan⁶. Kepentingan pembangunan sektor pertanian perlu seiring dengan pembangunan sektor industri lain kerana selain tiga peranan utama di atas, sumbangannya sebagai sumber bahan mentah kepada sektor perkilangan dan guna tenaga dalam sektor pertanian⁷.

Sebagai inisiatif, Kerajaan Malaysia membangunkan dengan memberi penekanan terhadap sektor pertanian Negara sehinggalah termeterainya Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) pada 1984 sehingga 1991 dengan memberi keutamaan tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan koko. Disusuli dengan Dasar Pertanian Kedua (DPN2) pada 1992 hingga 1998 dengan memberi penekanan meningkatkan produktiviti. Setelah kejayaan DPN1 dan DPN2, maka program transformasi pembangunan sektor makanan pertanian dibangunkan selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) 1998 sehingga 2000⁸. Kini produk sektor pertanian Malaysia mampu dieksport ke luar Negara, berdasarkan perangkaan pertanian setakat 2007 menunjukkan jumlah eksport produk pertanian tempatan berjumlah RM84,935,687⁹.

⁵Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor, Transformasi Dalam Sektor Pertanian Dan Industri Asas Tani (makalah, Persidangan Halatuju Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani, Hotel Palace of Golden Horses, Selangor. 12-13 Ogos 2002).

⁶S.Selvadurai, *Agriculture in Paninsula Malaysia* (Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture, 1978), 1.

⁷Mohamad Ridzuan bin Ismail, "Belia dan Pertanian: Kajian Kes Di Daerah Kerian Perak" (disertasi sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 2000), 56-70.

⁸*Ibid.*, 54-55.

⁹Buku Perangkaan Pertanian 2008.

Usaha kerajaan memajukan sektor pertanian di Malaysia terbukti dengan wujudnya penubuhan Jabatan Pertanian Malaysia di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia bagi menyediakan kursus dan latihan intensif kepada para petani. Begitu juga, dengan tertubuhnya institusi penyelidikan pertanian yang bertujuan mencipta teknologi moden baru dalam bidang pertanian, seperti Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Manakala di peringkat tempatan pula terdapat beberapa buah agensi ditubuhkan untuk pembangunan sesuatu kawasan atau wilayah seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).

Di Malaysia jenis-jenis tanaman pertanian terdiri daripada tanaman utama (industri), tanaman biji-bijian, tanaman buah-buahan, tanaman sayur-sayuran, tanaman rempah-ratus, tanaman kelapa dan tanaman kontan. Terdapat dua kategori tanaman di Malaysia berdasarkan sifat fizikalnya¹⁰ dan sifat perolehannya^{11,12}, seperti jadual di bawah:

Jadual 3.1. Keluasan Bertanam dan Pengeluaran Bagi Tanaman Utama

Tanaman Utama	2008		2009		2010	
	Keluasan ('000 Hektar)	Pengeluaran ('000 tan metrik)	Keluasan ('000 Hektar)	Pengeluaran ('000 tan metrik)	Keluasan ('000 Hektar)	Pengeluaran ('000 tan metrik)
Kelapa sawit	4,488.0	17,734	4,691.1	17,565	4,853.8	16,994
Getah	1,247.0	1,072.	1,008.6	857	999.3	939
Padi	656.6	2,353	674.9	2,511	999.3	2,548
Koko	21.4	27.9	19.3	18.1	20.8	15.7
Lada hitam	13.4	22.2	13.6	21.9	14.1	24.2
Nanas	15.6	384.7	15.8	357.7	15.4	331.0
Teh	2.0	11.6	1.5	10.2	2.4	19.7

Sumber: Buku Maklumat Perangkaan 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia, 17.

¹⁰ Sifat fizikal tanaman sama ada ianya tahan lama atau tidak tahan lama.

¹¹ Sifat perolehan tanaman sama ada hasil perolehan jangka pendek atau panjang.

¹² Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Sumber Zakat: Perluasan Terhadap Harta Yang Diikhtilaf" Jurnal Syariah 13:1, (2005) 150-151.

Jadual 3.2. Keluasan Bertanam Dan Pengeluaran Jenis Tanaman Di Malaysia

Jenis Tanaman	2008		2009		2010	
	Keluasan (Hektar)	Pengeluaran (tan metrik)	Keluasan (Hektar)	Pengeluaran (tan metrik)	Keluasan (Hektar)	Pengeluaran (tan metrik)
Buah-buahan	264,814	1,598,085	249,994	1,602,667	298,429	1,767,800
Kelapa	111,925	455,408	100,362	379,251	110,000	527,622
Sayur-sayuran	37,705	490,963	41,078	623,457	40,980	534,370
Tanaman Ladang	11,758	107,582	14,338	163,966	12,360	129,390
Rempah Ratus	4,535	36,305	4,899	40,350	5,013	42,556
Herba	354	2,101	578	2,800	543	3,368

Sumber: Buku Maklumat Jabatan Pertanian 2010, 19-23.

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan tanaman padi merupakan tanaman ketiga bagi tanaman utama negara selepas tanaman kelapa sawit dan getah. Ini kerana keluasan bertanam dan pengeluaran bagi tanaman kelapa sawit dan getah mencatatkan unjuran yang sangat positif sepanjang tiga tahun iaitu 2008 sehingga 2010 masing-masing dengan purata keluasan gunaan tanah sebanyak 4 juta hektar dan 1 juta hektar. Manakala purata keluasan gunaan tanah bagi tanaman padi hanya sebanyak 600,000 hektar dan berlaku pelonjakan yang drastik pada tahun 2010 dengan keluasan bertambah kepada 999,300 hektar.

Bagi jenis tanaman-tanaman yang lain, tanaman buah-buahan, kelapa dan sayur-sayuran mencatatkan pengeluaran yang tinggi sepanjang tahun (2008-2010) dengan keluaran buah-buahan mencecah 1,767,800 tan metrik, diikuti tanaman sayur-sayuran dengan 623,457 tan metrik dan tanaman kelapa dengan 527,622 tan metrik.

3.2 Definisi Zakat Pertanian Di Malaysia

Di Malaysia, kesemua negeri hanya mengenakan zakat ke atas tanaman padi sahaja berdasarkan pandangan Imam al-Syāfi`e yang mengenakan terhadap makanan asasi sesuatu tempat, tahan disimpan lama dan boleh dikeringkan. Namun, tidak ditetapkan pendefinisian yang khusus di negeri-negeri, ini kerana tafsiran zakat tanaman sedia ada terlalu umum¹³ berdasarkan dalil daripada surah al-Baqarah 2:267 dan pendapat mazhab Syāfi`e sahaja. Misalnya di Lembaga Zakat Selangor LZS mendefinisikan zakat pertanian sebagai:

“Satu zakat yang dikenakan ke atas makanan asasi yang mengenyangkan ke atas sebuah negeri yang telah cukup nisab. Hasil tanaman yang wajib dizakatkan adalah bijirin–bijirin daripada jenis makan asasi yang mengenyangkan dan tahan lama jika disimpan seperti padi, kurma, jagung, gandum dan sebagainya. Makanan asasi bagi penduduk di Malaysia adalah nasi dan nasi dihasilkan daripada padi”¹⁴.

Di Pusat Urus Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang PUZ MAINPP dan Baitulmal Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis MAIPs menambah syarat hasil tanaman “yang diusahakan oleh manusia¹⁵” dan “di atas tanah milik sendiri, sewa atau sebagainya¹⁶” dalam pendefinisian zakat tanaman mereka. Manakala di Tabung Baitulmal Sarawak TBS mendefinisikan sebagai sebahagian daripada “pendapatan bersih” dan “hasil pertanian yang bermanfaat¹⁷”. Penulis beranggapan sesuatu pentafsiran itu berhubung rapat dengan perlaksanaannya contohnya di Sarawak mengenakan istilah “pendapatan bersih” disebabkan TBS membenarkan penolakan kos operasi sebelum dikenakan zakat berbanding Selangor yang hanya mengenakan ke atas hasil kasar. Namun

¹³ Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 12 September 2012.

¹⁴ Laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, dicapai 31 Ogos 2012, <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian/>

¹⁵ Laman sesawang Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, dicapai 2 September 2012, http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=23&Itemid=102.

¹⁶ _____, *Buku Panduan Mengeluarkan Zakat*, (Perlis: Baitulmal MAIPs, t.t), 17.

¹⁷ Laman sesawang Baitulmal Sarawak, dicapai 31 Ogos 2012, <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatpertanian4.html>.

istilah “hasil pertanian yang bermanfaat” telah membuka dimensi *maṣlahah* dalam memperluaskan hasil tanaman selain padi kepada hasil tanaman yang mendatangkan keuntungan yang lumayan dan manfaatnya kepada para asnaf.

Terdapat isu di Baitulmal MAIPs berkenaan definisi zakat pertanian, ini kerana berdasarkan fatwa (keputusan) mengkategorikan zakat pertanian termasuk di bawah zakat gaji atas dasar memperoleh hasilnya pada musim dan waktu tertentu¹⁸, ini bertentangan dengan definisi yang dikeluarkan oleh pihak Baitulmal Perlis¹⁹. Berdasarkan kepada kepelbagaian pentakrifan ini, sewajarnya pihak-pihak yang berwajib negeri membangunkan sistem garis panduan tafsiran setiap istilah jenis-jenis harta dan asnaf-asnaf zakat agar pelaksanaannya selari dengan terminologi yang ditetapkan.

3.3 Nisab Zakat Pertanian Di Malaysia

Jumhur fuqaha bersepakat nisab tanaman adalah 5 *awsuq* bersandarkan kepada hadith *ṣahīh* dari Abū Sa’id al-Khudrī r.a. Walau bagaimanapun pendapat ini tidak dipersetujui oleh Imam Abū Ḥanifah yang tidak mengehendkan nisab tanaman, dan diwajibkan zakat atas hasil produktiviti tanpa melihat kepada kuantiti.

Di Malaysia kesemua negeri berpegang kepada pendapat jumhur ulama²⁰ dengan mengenakan nisab dengan kadar 5 *awsuq* sebagai kayu ukur kemampuan dan kelayakan *muzakkī* untuk mengeluarkan zakat tanaman padi. Penetapan kadar nisab adalah bagi hasil tanaman padi yang telah dibersihkan iaitu dibuang kulit dan jeraminya. Oleh itu, timbangan nisab 5 *awsuq* yang dipraktikkan adalah berasaskan timbangan beras, adapun padi yang

¹⁸ _____, Koleksi Fatwa Negeri Perlis, Fatwa Mengenai Zakat Gaji, (t.t.p, t.t) 4-10. ; lihat Fatwa Negeri Perlis mengenai zakat gaji di laman sesawang INFAD, dicapai 11 September 2012, <http://www.infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1939&newlang=mas>.

¹⁹ Buku Panduan Mengeluarkan Zakat, Baitulmal MAIPs.

²⁰ Ibn Qudāmah, *al-Muqhnī*, 3: 1.

belum dibersihkan yakni belum dibuang kulit maka ketetapan nisabnya adalah digandakan dua iaitu 10 *awsuq*.

Walaupun begitu, negeri-negeri di Malaysia tidak bersepakat dalam penetapan kadar timbangan metrik gantang dan kilogram, seperti jadual di bawah:

Jadual 3.3. Ketidakselarasan Nisab Zakat Padi Di Malaysia

Bil	Negeri	Gantang	Kilogram (kg)
1	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	363 gantang	1306kg / 1.306tan
2	Pusat Urus Zakat Penang (PUZ)	363 gantang	1300 kg / 1.3 tan
3	Baitulmal Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs)	363 gantang / 2 kunca 7 naleh	1300kg / 1.3 tan
4	(MAIDAM) Terengganu	375 gantang / 600 gantang Madinah	937 kg / 0.937 tan
5	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	400 gantang / 50 pasuk padi	1080 kg / 1.08 tan

Sumber:

- 1) Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 12 September 2012.
- 2) Ustaz Zulhazmi Bin Bohari (Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2012.
- 3) Ustaz Azhari Bin Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah Dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan Dan Pemasaran, Pusat Urus Zakat, MAINPP), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2012.
- 4) Tuan Zuhaimi Bin Tuan Sembok (Pegawai Eksekutif Taksiran Zakat, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temu bual dengan penulis, 03 Oktober 2012.
- 5) Ustaz Mohd Nazim bin Haji Md Noor (Ketua Unit Zakat Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Perlis), dalam temu bual dengan penulis, 04 September 2012.

Berdasarkan jadual di atas terdapat tiga kepelbagaian kadar gantang Malaysia iaitu 363 gantang, 375 gantang dan 400 gantang. Begitu juga dengan kepelbagaian takaran kilogram iaitu 987kg, 1080kg, 1300kg dan 1306kg.

Penulis berpendapat kepelbagaian ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor pertama ialah tidak terdapat keselarasan timbangan gantang di setiap negeri dan *converter* peralihan timbangan daripada 5 *awsuq* kepada timbangan gantang dan kilogram. Asasnya kerana gantang adalah alat untuk menyukat dan bukan untuk ditimbang berdasarkan hadith diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar²¹. Sukatan satu *sa’* berbeza berdasarkan keadaan dan semasa misalnya berbeza sukatan gantang Madinah bersamaan 5 1/3 *ratl* manakala di Iraq bersamaan 8 *ratl*, ini kerana setiap negeri berijtihad menetapkan takaran *sa’* ini berdasarkan bentuk dan saiz model gantang yang diwarisi.

Di Sarawak menurut Ustaz Zulhazmi Bin Bohari²² masih menggunakan timbangan tradisional 40 sehingga 55pasuk²³ yang telah diamalkan oleh pengusaha padi terdahulu sebelum wujudnya Tabung Baitulmal Sarawak dan kadar ini masih dipraktikkan sehingga sekarang, walaupun pada tahun 2007 pihak Baitulmal telah menetapkan kadar timbangan moden 400 gantang bersamaan 1080 kg (1gantang= 2.7kg). Penetapan gantang ini disokong oleh Mujaini Tarimin²⁴ dan Mahmood Zuhdi²⁵ 400 gantang Malaysia menyamai 1600 kati dengan kiraan satu gantang menyamai 4 kati, akan tetapi mereka berbeza dari segi penetapan kilogram iaitu masing-masing 960kg (1 gantang = 2.4kg) dan 1000kg (1gantang= 2.5kg).

Di Terengganu kadar takaran nisab berjumlah 375 gantang atau 600 gantang Madinah bersamaan dengan 937 kg (1 gantang = 2.5kg). Manakala di Perlis, Selangor dan

²¹ Riwayat Al-Nasā’i, Kitab al-Zakāt, Bab Kam Sā’, no Hadith 2520. Al-Nasā’i, *Sunan*, 5: 58. Ibn Hibbān dan Dāruqutnī mensahihkan hadith ini.

²² Ustaz Zulhazmi Bin Bohari (Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2012.

²³ Takaran traditional Sarawak: 1 pasuk = 8 gantang atau 1 pasuk = 2 tin minyak gas/ biskut, 1gantang = 14 tin (kong) susu 387 gram.

²⁴ Mujaini Tarimin, *Zakat Pertanian Sistem Dan Perlaksanaannya*, 40.

²⁵ Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, 258.

Pulau Pinang mengenakan sebesar 363 gantang atau 2 kunca 7 nalah²⁶ bersamaan 1300kg dan 1306kg (1 gantang = 3.58kg).

Kepelbagaian ini jelas disebabkan oleh timbangan tradisional lokaliti yang masih digunakan seperti pasuk, kunca dan nalah. Penaksiran takaran kadar satu gantang yang berbeza sama ada 2.5kg atau 2.7kg atau 3.58kg menyumbang kepada perbezaan ini. Asas perbezaan ini berlaku disebabkan oleh jenis padi yang ditanam di sesuatu kawasan, kerana setiap jenis padi mempunyai timbangan berat yang berbeza bergantung kepada kualiti *grade* padi serta ketumpatannya.

Perselisihan pendapat ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan di seluruh dunia, begitu juga para ulama berbeza pendapat berapa kilogram satu gantang Baghdad? misalnya perbezaan kadar timbangan Imam Abū Ḥanifah dan Imam Syāfi`e masing-masing dengan lapan (8) kati dan lima satu pertiga (5 1/3) kati²⁷. Penulis berpendapat perbezaan ini berlaku disebabkan oleh faktor setempat dan semasa contohnya Imam Abū Ḥanifah menetap di Iraq manakala Imam Syāfi`e di Hijaz.

Faktor kedua membabitkan bidang kuasa pembuat dasar iaitu Jabatan Mufti dan Baitulmal negeri perlu menilai semula isu ini sepertimana penilaian yang dilakukan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 membincangkan cara penetapan harga zakat fitrah seluruh Malaysia²⁸. Hasil daripada perbincangan Muzakarah telah memutuskan harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras *Super Tempatan Gred A* mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.6kg. Manakala zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan

²⁶ Takaran traditional Perlis: 4 cupak = 1 gantang, 16 gantang = 1 nalih, 10 nalih = 1 kunca

²⁷ Abū 'Ubaid, *al-Amwāl*, 620.

²⁸ Laman sesawang INFAD, dicapai 1 November 2012, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia>.

harga beras *Vietnam White Rice* bagi negeri Sabah dan *Thai White Rice* bagi negeri Sarawak mengikut timbangan 1 baqhdad bersamaan 2.7kg²⁹. Gantang yang disukat kepada timbangan metrik digital menggunakan replika kayu gantang baqhdad dari Negeri Sembilan dan replika tembaga gantang baqhdad dari Majlis Agama Islam Kelantan.

Jika dibandingkan dengan keputusan Muzakarah mengenai ketetapan kadar zakat fitrah dengan amalan yang diaplikasikan di negeri-negeri menunjukkan negeri Sarawak sahaja menyamaratakan timbangan kadar zakat fitrah dengan zakat hasil pertanian iaitu satu gantang bersamaan 2.7kg, yang membezakan hanya kuantiti yang perlu dikeluarkan iaitu zakat fitrah hanya 1 gantang manakala hasil tanaman 400 gantang. Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sepertimana keputusan muzakarah menyarankan takaran satu gantang baqhdad zakat fitrah bersamaan 2.6kg, akan tetapi dari sudut amalannya sukatan 1 gantang bagi hasil tanaman berbeza di setiap negeri misalnya di Terengganu satu gantang bersamaan 2.5kg, manakala di Perlis, Pulau Pinang dan Selangor menetapkan 3.58kg segantang.

Timbul persoalan menyamaratakan takaran satu gantang zakat fitrah dengan satu gantang zakat hasil tanaman? Ini kerana timbangan satu gantang yang dimaksudkan dalam zakat fitrah adalah gantang baqhdad. Manakala gantang yang digunakan dalam zakat tanaman di Malaysia sudah diubah kepada timbangan gantang Malaysia. Misalnya di Sarawak 400 gantang³⁰ hasil tanaman yang dimaksudkan adalah gantang Malaysia.

Penulis berpendapat perlunya ditetapkan satu standard keselarasan timbangan metrik moden iaitu gantang dan kilogram. Fatwa penetapan nilai nisab ini perlu dinilai

²⁹ Kadar yang diperolehi hasil timbangan 1 gantang Baqdad beras *Super Tempatan Gred A* bagi Semenanjung Malaysia dan beras *Vietnam White Rice* bagi Sabah dan Sarawak dengan menggunakan penimbang jenis 'digital' yang disediakan oleh Unit Metrik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

³⁰ Laman sesawang Rasmi Tabung Baitulmal Sarawak, dicapai 31 Ogos 2012, <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatpertanian4.html>. Zakat fitrah dikenakan 1 gantang Baqhdad beras bersamaan 2.7kg, manakala nisab 5 *awsuq* zakat tanaman ialah 400 gantang Malaysia bersamaan 1080kg (1080/400 = 2.7kg).

semula dari semasa ke semasa bagi mendapatkan nilai yang tepat, ini disebabkan perbincangan mengenai nisab zakat kurang ditekankan di peringkat Baitulmal Negeri dan Jawatankuasa Fatwa. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, fatwa atau keputusan nisab zakat pertanian selepas pertama kali difatwakan tidak dinilai semula dalam tempoh yang lama, misalnya di Selangor, Pulau Pinang dan Terengganu hanya membahaskan isu penetapan kadar, penolakan kos-kos dan subsidi sahaja. Penilaian semula hukum nisab berlaku di Sarawak daripada 363 gantang ditukar kepada 400 gantang pada tahun 2007, akan tetapi tidak menitikberatkan secara terperinci perakaunan atau taksiran nilai semasa satu gantang. Begitu juga di Perlis, fatwa menetapkan nisab padi 2 kunca 7 naleh bersamaan 937 kilogram, namun pihak Baitulmal telah meminda timbangan kilogram kepada 1300kg berdasarkan situasi semasa tanpa melibatkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis³¹.

Hasil temu bual penulis bersama Jabatan Mufti Negeri berkenaan fatwa-fatwa zakat pertanian yang pernah diputuskan amat mendukacitakan sekali kerana fatwa-fatwa tersebut tidak disimpan dan didokumenkan secara sistematik dan menyukarkan penulis dan penyelidik meneliti tarikh yang tepat keputusan pernah dikeluarkan, salinan minit mesyuarat muzakarah, hasil perbincangan secara terperinci dan sebagainya. Fakta ini diperakui oleh Ahmad Hidayat Buang dalam analisa beliau terhadap fatwa-fatwa semasa syariah di Malaysia³².

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan perbezaan sukatan nisab zakat pertanian dalam timbangan semasa bagi negeri-negeri berbeza, persoalannya adakah ketidakseragaman timbangan tersebut adalah sesuatu yang bersalahan dengan syariah?

³¹ Ustaz Roslan bin Isa (Timbalan Mufti Negeri Perlis) dan Ustaz Mohamad Abdul Kadir Bin Sahak (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Negeri Perlis), dalam temu bual dengan penulis, 05 September 2012.

³² Ahmad Hidayat Buang, "Analisa Fatwa-Fatwa Semasa Syariah Di Malaysia". 50.

Penilaian penulis berkenaan dengan isu perubahan fatwa timbangan gantang di Sarawak dan Perlis, bukanlah disebabkan oleh perubahan ekonomi dan teknologi semasa, ini kerana dalil nisab 5 *awsuq* sangat *ṣarīh* dan *thābit*. Kemungkinan perubahan fatwa nisab adalah sebagai penambahbaikan terhadap hukum yang kurang tepat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa terdahulu.

Sejarah telah merekodkan bahawa pada asasnya ulama Iraq berpendapat satu *sa'* yang dipakai oleh 'Umar³³ adalah 8 *ratl* berdasarkan hadis-hadis yang shahih yang menegaskan bahawa Nabi Muhammad s.a.w berwudhu' dengan satu *mud* dan mandi dengan satu *sa'*³⁴. Manakala ulama Hijaz berpegang bahawa satu *sa'* bersamaan 5 1/3 *ratl* dan ianya diketahui oleh penduduk Hijaz sejak turun temurun³⁵. Ibnū Ḥazm telah menunjukkan peristiwa yang diriwayatkan oleh al-Baihaqī dengan mengatakan Abū Yūsuf telah pergi ke Madinah bertanya dan menganalisa tentang besar satu *sa'*, selepas diuji mendapati satu *sa'* bersamaan 5 1/3 *ratl* yang digunapakai oleh penduduk Hijaz, lalu beliau mengubah pandangannya daripada berpegang kepada *qaul* Imam Abū Hanīfah kepada pendapat penduduk Madinah berdasarkan bukti yang nyata³⁶. Oleh itu, penulis berpandangan walaupun timbangan besar *sa'* diwarisi secara tradisi di setiap lokaliti berbeza, namun dengan wujudnya pembuktian daripada uji kaji moden bagi menentukan timbangan yang paling tepat seharusnya diutamakan dan lebih menepati *maṣlahah* semasa.

Dalam arus globalisasi serba canggih ini, masalah ini boleh diatasi dengan kaedah timbangan metrik yang moden seperti penimbang jenis 'digital' yang disediakan oleh Unit Metrik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

³³ Al-Kasānī, *Badā'i al-Ṣanā'i*. 2: 73.

³⁴ Abū `Ubaid, *al-Amwāl*. 514-516.

³⁵ Abū `Ubaid, *al-Amwāl*. 120.

³⁶ Al-Baihaqī, *as-Sunan al-Kubra*, j.4: 171; Lihat al-Qarḍāwī, *Hukum Zakat*, 346-349.

dipraktikkan bagi memastikan ketepatan timbangan menyamai 5 *awsuq* atau 300 gantang baqhdad kepada takaran gantang Malaysia.

Dalam timbangan sistem metrik *mud* (cupak) ditimbang dengan istilah gram (g), manakala *sa'* (gantang) dan *wasuq* ditimbang dengan kilogram (kg). Walaupun begitu terdapat kesukaran dalam mendapatkan timbangan yang tepat, walaupun menggunakan sukatan satu gantang yang sama timbangannya, akan tetapi hasil timbangan akan berbeza disebabkan jenis dan ketumpatan misalnya timbangan kacang lebih berat daripada jagung, dan jagung lebih berat daripada padi dan tepung. Selain itu, ulama juga berbeza pendapat dalam menetapkan timbangan satu gantang.

Takaran gantang adalah untuk sukatan oleh itu timbangan yang lebih tepat adalah dalam liter dan bukan kilogram, akan tetapi dengan peredaran zaman timbangan kilogram adalah lebih efisien serta memudahkan urusan muamalat manusia. Justeru *maqāsid* syariah mengiktiraf unsur setempat iaitu Negara seperti perbezaan yang berlaku di Madinah dan Baqhdad, maka penulis berpendapat di Malaysia secara lokaliti perlu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Semenanjung Malaysia dan Sabah Sarawak. Penilaian semula perlu bagi menetapkan satu anggaran tepat timbangan di antara jenis-jenis padi yang ditanam di sesuatu kawasan, kerana ia bersifat ijtihad semasa. Pembahagian dua buah kawasan ini disebabkan faktor geografi yang berbeza, teknologi yang diguna pakai serta taraf ekonomi petani, ini kerana pertanian yang diamalkan di Sarawak dan Sabah berbeza daripada yang diamalkan di Semenanjung Malaysia.

Penetapan kadar gantang bolehlah merujuk kepada kaedah keselarasan kadar zakat fitrah oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan iaitu satu gantang baqhdad bersamaan 2.6kg bagi negeri di Semenanjung dan 2.7kg bagi negeri di Sabah dan Sarawak. Namun perbezaan berapa gantang yang seharusnya di takar sama ada 363 gantang, 375 gantang atau 400 gantang Malaysia haruslah dipanjangkan kepada peringkat Suruhanjaya Pentadbiran Zakat

Negeri (SPZN) untuk menilai takaran yang tepat satu gantang baqhdad jika diterjemahkan dalam timbangan kilogram Malaysia. Manakala penetapan harga semasa bergantung kepada jenis padi yang ditanam berdasarkan kualiti dan ketumpatannya misalnya padi sawah dan padi huma dan boleh dirujuk kepada pihak Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS).

Berbanding jenis-jenis harta lain yang dikenakan zakat, zakat pertanian dikecualikan daripada ketetapan *haul* (cukup setahun) kerana hasil pertanian dikutip apabila tiba waktu menuainya sahaja berdasarkan firman Allah s.w.t dalam surah al-An'am:

Terjemahan: Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya³⁷.

Namun amalan di Selangor, Sarawak dan Pulau Pinang jika nilai jualan padi pada musim pertama kurang dari nisab, maka hendaklah dicampurkan ke musim kedua di dalam tahun yang sama. Ini kerana berdasarkan temu bual bersama pihak LZS, TBS dan PUZ MAINPP, kebanyakan petani akan membayar zakat tanaman diakhir tahun bagi memudahkan urusan mereka. Penulis berpendapat kaedah yang ditetapkan ini seolah-olah mengaplikasikan tempoh *haul* yang bertentangan dengan *nas. Maqṣad* dalam penentuan nisab adalah sebagai kayu ukur kemampuan seseorang dalam mengeluarkan zakat, namun kaedah ini dilihat sebagai menekan para petani dengan mewajibkan zakat tanaman walaupun hasil tanaman tidak melepasi kadar nisab sesuatu musim.

3.4 Kadar Zakat Pertanian Di Malaysia

Di Malaysia kesemua negeri di Semenanjung bersepakat menggunakan asas penetapan kadar 10% dan 5% bersumberkan hadith *ṣarīh* Ibn `Umar dan hadith Mu`az³⁸. Penentuan

³⁷ Surah al-An'am 6: 141

kadar zakat tanaman dibahagikan kepada dua kategori berasaskan metode pengairan dan tenaga yang digunakan iaitu sama ada pengairan secara semula jadi atau menggunakan jentera serta tenaga manusia. Namun, sebahagian negeri menghadkan kadar dengan mengenakan kadar tunggal sama ada 10% atau 5% sahaja. Manakala di Sarawak kadar alternatif ketiga dikenakan iaitu 7.5% berdasarkan pendapat Ibn Qudāmah, seperti jadual di bawah:

Jadual 3.4. Ketidakselarasan Kadar Di Malaysia

Bil	Negeri	Kadar Zakat
1	Lembaga Zakat Selangor	5% sahaja
2	Pusat Urus Zakat Penang	10% sahaja
3	MAIDAM Terengganu	5% dan 10%
4	Baitulmal MAIPs	5% dan 10%
5	Tabung Baitulmal Serawak	5% , 10% dan 7.5%

Berdasarkan jadual di atas dapat disimpulkan terdapat tiga kategori penetapan kadar zakat tanaman. Pertama, penetapan kadar tunggal sama ada 5% atau 10% sahaja yang diamalkan di negeri Selangor dan Pulau Pinang. Di Selangor pada tahun 1989 kadar zakat tanaman yang dibenarkan pada awalnya adalah pilihan sama ada 5% atau 10% mengikut kerelaan petani. Oleh kerana tidak terdapat satu panduan yang khusus, pihak Jawatankuasa Perunding Hukum Syara` telah memutuskan kadar zakat tanaman padi ialah 10% sahaja berdalilkan kitab *Majmū` Syarh al-Muhazzab* menyatakan parit dan tali air yang dikorek berhubung dengan sungai yang besar dan memakan belanja yang tinggi zakatnya masih

³⁸Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Al-‘Ushr Fī Mā Yuskha Min Mā’ as-Sama’ Wa Bil Mā’ Al-Jārī, no Hadith 1483. Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, 3: 346. Hadith sahih.

dikenakan sebesar 10%³⁹. Kini dengan penggunaan teknologi pertanian moden Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal⁴⁰ menegaskan Lembaga Zakat Selangor telah menilai semula dan menetapkan kadar 5% bagi zakat tanaman dengan alasan realiti di Selangor kesemua 100% petani yang mengusahakan tanaman padi sawah menggunakan saluran yang disediakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor melibatkan saluran yang sistematik dan terancang serta tidak lagi menggunakan saluran semula jadi⁴¹.

Fuqaha juga berbeza pendapat dalam isu pembelian air ini sepertimana al-Rafī'e berbeza pendapat dengan al-Dusūqī dengan mengenakan kadar 5% jika melibatkan pembelian air (cukai tali air), beliau berpendapat pembelian air tergolong dalam tanggungan kos⁴² walaupun terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum dikurangkan kadar zakat iaitu kos tersebut mestilah kos yang besar dengan melihat kepada 'urf pertanian semasa dan kos tersebut secara langsung mempengaruhi produktiviti hasil pertanian. Ini kerana para fuqaha tidak memasukkan kos mewujudkan saluran atau takungan sebahagian daripada kos tanaman berdasarkan pendapat Imam Nawāwī disokong oleh Imam Ḥaramain⁴³.

Di Pulau Pinang berlaku juga penilaian semula hukum penetapan kadar semasa. Kadar 5% adalah kadar yang sedia kala dipakai sebelum ini oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang⁴⁴, namun pada tahun 2005 Muzakarah Fatwa Negeri telah memutuskan kadar zakat tanaman padi sebesar 10% dengan memberi pelepasan kos operasi⁴⁵. Penulis berpendapat Mufti Pulau Pinang dalam memutuskan keputusan ini

³⁹ Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan, Mengenai Penjelasan Hukum Zakat Tanaman (1989), 10.

⁴⁰ Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 12 September 2012.

⁴¹ *Ibid.*

⁴² Al-Nawāwī, *al-Majmū'*, 5: 445.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Bil. 1/2005. 3.

⁴⁵ *Ibid.*, 2.

berpegang kepada *qaul* al-Dusūqī⁴⁶, ini berdasarkan hasil temu bual bersama Y.Bhg *Sāhibul Samāhah* Dato' Seri Haji Hassan Bin Haji Ahmad⁴⁷, seperti berikut:

“Timbul juga isu berkenaan dengan cukai tali air JPN (Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri), cukai air tidak banyak dan tidak padan dan tidak boleh dimasukkan dalam usaha pengairan yang menjadikan kadarnya 5%. Contohnya satu relong berapa RM sahaja. Oleh itu ia dikira sebagai cukai biasa sahaja. Kadar 10% lebih menguntungkan kepada asnaf dan lebih sesuai”.

Ulasan penulis berkenaan kenyataan di atas seolah-olah Y.Bhg *Sāhibul Samāhah* hanya mengutamakan *maṣlahah* para asnaf berbanding melihat dengan lebih menyeluruh kedua-dua entiti zakat termasuklah *muzakkī* (petani) itu sendiri. Namun, berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dalam menetapkan kadar 10% dengan mengambil kira penolakan kos-kos operasi, adalah hampir menyamai kadar 5% sepertimana yang diaplikasikan di Selangor ke atas kos kasar iaitu tanpa penolakan sebarang kos-kos.

Kategori kedua penetapan kadar zakat tanaman adalah berlandaskan zahir hadith iaitu dengan kadar 10% bagi saliran semula jadi dan 5% bagi yang melibatkan tenaga kerja sepertimana yang dipraktikkan di Perlis dan Terengganu. Di Perlis kadar zakat yang telah ditetapkan pada tahun 1980an adalah sebanyak 5% sahaja iaitu kadar tunggal⁴⁸. Namun Baitulmal MAIPs telah mengemaskinikan kaedah dengan mengenakan kadar 5% sekiranya tidak menolak sebarang kos dan 10% sekiranya ditolak kos-kos bagi menepati dengan kehendak syarak⁴⁹. Kaedah terkini yang diguna pakai oleh Baitulmal MAIPs lebih

⁴⁶ Al-Dusūqī, Muhammad bin Ahmad, *Hāsyiah al-Dusūqī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘ilmiyyah, (1996), 2:32.

⁴⁷ *Sāhibul Samāhah* Dato' Seri Haji Hassan Bin Haji Ahmad (Mufti Negeri Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 20 September 2012.

⁴⁸ Lihat Fatwa negeri Perlis mengenai zakat gaji di laman sesawang INFAD, dicapai 11 September 2012. <http://www.infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1939&newlang=mas>.

⁴⁹ Panduan Mengeluarkan Zakat, Baitulmal MAIPs, 18.

menitikberatkan nilai keadilan kepada para petani dan asnaf-asnaf zakat dengan mengimbangi di antara kadar penetapan zakat tanaman dengan penolakan kos-kos tertentu.

Di Terengganu kadar tunggal 10% telah dikenakan pada tahun 1990⁵⁰ kerana saluran air ketika itu didapati dari parit dan saluran air yang percuma dan cukai air yang dikenakan ketika itu tidak membebankan maka tidak mengubah kadar zakat. Keadaan berubah pada tahun 1994⁵¹ apabila wujudnya usaha menggunakan jentera moden dalam sektor pengairan maka ia dikenakan 5%, dan kadar 10% masih dikenakan bagi petani yang menggunakan saluran air tradisional menggunakan parit, takungan air dan tadahan hujan.

Kategori ketiga yang menetapkan kadar alternatif ketiga iaitu 7.5% selepas 5% dan 10%. Meskipun kadar yang telah ditetapkan *nas* 5% dan 10% sahaja, namun menurut Ustaz Zulhazmi Bin Bohari secara praktikalnya pihak Tabung Baitulmal Sarawak mengenakan secara puratanya dengan kadar 7.5% sahaja berdasarkan pandangan Ibnu Qudāmah⁵². Ini kerana faktor geografi di Sarawak berbeza di samping jenis tanaman seperti padi huma dan padi sawah, begitu juga kawasan tanaman yang berbukit bukau yang menghadkan penggunaan teknologi moden dalam sistem pengairan dan pertanian.

Penulis berpendapat perbahasan penetapan kadar 7.5% hanya jika melibatkan dua jenis tanaman atau lebih, dijirus secara bercampur-campur dan sekiranya nisbah kedua-dua pengairan sama banyak⁵³. Ini kerana berkenaan kerja-kerja menggali parit atau tali air Ibnū Qudāmah tidak memasukkannya dalam takrif saluran air dan tidak mengurangkan kadar zakat, oleh kerana istilah “kerja berat” terlalu subjektif dan sukar ditentukan⁵⁴.

⁵⁰ Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, Kali ke-2 Penggal Pertama.

⁵¹ Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, Kali ke-3 Penggal Ke-3.

⁵² Ustaz Zulhazmi Bin Bohari (Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2012.

⁵³ Ibn Qudāmah, *al-Muqhnī*, 3: 10.

⁵⁴ Al-Nawāwī, *al-Majmū'*, 5: 447.

Berpandukan analisa ketiga-tiga kategori di atas, disimpulkan kadar zakat pertanian di Malaysia berbeza mengikut persekitaran negeri masing-masing. Ini kerana perbezaan disebabkan oleh pengaruh faktor-faktor kapasiti pengairan saluran air, cuaca, sumber tenaga (teknologi) dan perubahan geografi sesetengah tempat. Tidak dinafikan asas penetapan kadar zakat tanaman bertunjangkan nas *ṣarīh* hadith Ibn `Umar dan hadith Mu`az yang berasaskan pengairan sama ada 10% ataupun 5%, namun objektif syariah meraikan keadaan setempat (lokaliti).

Kesemua fuqaha mazhab telah memperincikan kaedah penetapan kadar ini seperti al-Kasānī⁵⁵ mengiaskan bebanan sebagai *'illah* penentuan begitu juga al-`Imrānī⁵⁶ dan Ibn Qudāmah⁵⁷ dengan mendatangkan contoh haiwan *sa'imah* diwajibkan zakat, ini kerana zakat diwajibkan ke atas hasil usaha manusia dan bebanan akan mengurangkan produktivitinya. Walaupun begitu, al-Dusūqī⁵⁸ menegaskan penetapan kadar 10% jika membeli air atau mengupah pengairan disebabkan bebanan yang sangat sedikit.

Dalam arus globalisasi kini yang menuntut setiap tindakan diurus tadbir, maka kadar zakat pertanian tidak lagi diputuskan oleh petani sendiri sepertimana yang diamalkan secara tradisional dahulu. Kini, urusan pengairan pertanian diurus oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri, oleh itu sudah menjadi tanggungjawab Baitulmal Negeri dari semasa ke semasa berhubung dengan pihak yang secara langsung mengurus sektor pertanian ini, bagi mengemas kini hukum dan menetapkan kaedah berasaskan pengairan yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

⁵⁵ Al-Kasānī, *Badā'i al-Ṣanā'ī*, 2: 185.

⁵⁶ Al-`Imrānī, Yahya bin Abi Khair, *al-Bayān Fī al-Madhhab al-Imām al-Syāfi'e* (Beirūt: Dār al-Minhāj, 2000), 3: 236.

⁵⁷ Ibn Qudāmah, *al-Muqhnī*, 4: 165.

⁵⁸ Al-Dusūqī, *Hāsyiah al-Dusūqī*, 2:32.

3.5 Penolakan Perbelanjaan Kos Zakat Pertanian Di Malaysia

Di Malaysia, taksiran zakat tanaman padi termasuklah wang subsidi (kupon) yang diperoleh dikira sebagai *al-Māl al-Mustafād* dan wajib dikeluarkan 2.5% jika mencukupi nisab sepertimana amalannya di Selangor, Sarawak, Perlis dan Pulau Pinang. Oleh itu, pelepasan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat pertanian sudah diaplikasikan di sebahagian negeri di Malaysia sebagai keringanan kepada petani dengan membenarkan penolakan kos operasi tanaman dan hanya di negeri Perlis secara rasminya membenarkan pelepasan kos operasi tanaman dan kos sara hidup seperti jadual di bawah:

Jadual 3.5. Ketidakselarasan Tolakan Kos Di Malaysia

Bil	Negeri	Tolakan Kos
1	Lembaga Zakat Selangor	-
2	Pusat Urus Zakat Penang	Tolak kos operasi dan sara hidup (jika tiada punca pendapatan lain)
3	MAIDAM Terengganu	Tolak kos operasi
4	Baitulmal MAIPs	Tolak kos operasi dan kos sara diri
5	Tabung Baitulmal Serawak	Tolak kos operasi sahaja

Berdasar hasil temu bual didapati hanya di negeri Selangor sahaja tidak membenarkan sebarang penolakan kos dan dikenakan zakat tanaman ke atas kos kasar sahaja. Sebahagian negeri pula hanya memberikan pelepasan kos-kos operasi sahaja seperti yang dipraktikkan di negeri Terengganu dan Sarawak. Manakala pelepasan kesemua kos termasuk kos operasi dan kos sara diri dibenarkan sebelum pengeluaran zakat tanaman di negeri Pulau Pinang dan Perlis.

Di Selangor zakat tanaman dikenakan ke atas pendapatan kasar sahaja (Lihat Lampiran A: Pamplet Zakat Pertanian LZS). Ini berdasarkan keputusan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1989 berpandukan kitab *al-'Ubab* menyatakan:

“Apabila sesudah menuai hasil tanaman, para petani tidak dibenarkan memakan hasil tersebut, membayar upah mengetam atau mengeluarkan sedekah sebelum dikeluarkan zakat tanaman. Hukuman takzir akan dikenakan sekiranya petani ingkar. Manakala segala perbelanjaan kos-kos tanaman ditanggung sendiri oleh para petani.”⁵⁹

Keputusan ini masih diaplikasikan sehingga kini, walaupun kebanyakan negeri seperti Perlis, Pulau Pinang, Terengganu dan Sarawak sudah memberi pelepasan sama ada penolakan kos operasi sahaja atau dengan kos sara diri. Berdasarkan temu bual penulis bersama Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal,⁶⁰ mendapati isu ini masih belum dilakukan kajian semula oleh pihak Penyelidikan Syariah LZS, walaupun terdapat permintaan penilaian semula berkenaan dengan penolakan kos *had kifāyah* para petani yang membayar zakat tanaman.

Kategori kedua adalah negeri-negeri yang membenarkan pelepasan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat tanaman iaitu seperti yang dipraktikkan di Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis. Penulis memperincikan penolakan kos-kos di negeri-negeri kajian, seperti berikut:

⁵⁹ Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor Darul Ehsan, mengenai penjelasan hukum zakat tanaman, 11-12.

⁶⁰ Ustaz Mohd Farid Bin Mohd Zainal (Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor), dalam temu bual dengan penulis, 12 September 2012.

Jadual 3.6. Penolakan Kos Operasi dan Kos Sara Diri Di Malaysia

Negeri Kos	MAIDAM Terengganu	Tabung Baitulmal Sarawak	Pusat Urus Zakat Pulau Pinang	Baitulmal MAIPs
Kos Operasi	<ul style="list-style-type: none"> i. Upah, ii. Membajak tanah, iii. Harga baja, iv. Upah membaja v. Upah menuai 	<ul style="list-style-type: none"> i. Baja/racun ii. Sewa iii. Upah tenaga / tuaian (mesin) iv. Pengangkutan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Kos baja/ racun ii. Sewa (jika berkaitan) iii. Upah tenaga/ tuaian (mesin) iv. Pengangkutan (lori) v. Potongan luar jangka sebanyak ¼ seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Sewa tanah (jika sewa) ii. Membajak dan menanam (jika diupah/ dibayar) iii. Harga baja (jika dibeli) iv. Racun serangga (jika dibeli) v. Upah menuai vi. Upah pengangkutan
Kos Sara Diri	-	-	Kos sara hidup (jika tiada punca pendapatan lain)	kos sara diri: <ul style="list-style-type: none"> i. Kos diri ii. Kos isteri iii. Kos anak iv. Pemberian kepada ibu bapa v. Perubatan vi. Hutang daruriyyat

Sumber:

- 1) Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu kali ke-1 Penggal ke-5, 21 November 1999
- 2) Laman sesawang TBS, dicapai 31 Ogos 2012, <http://www.tabung-baitulmal.sarawak.org.my/zakatpertanian4.html>.
- 3) Pamflet Zakat Tanaman Padi 2012, PUZ, MAINPP
- 4) Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.1/2005, Perkara 3.0(e) (f) Syor Muzakarah, 2.
- 5) Panduan Mengeluarkan Zakat, Baitulmal MAIPs, 20-21.

Kesemua negeri di atas bersepakat memberikan pelepasan kos-kos kepada pengusaha padi seperti kos baja, racun, sewa tanah, upah tenaga dan mesin tuaian dan upah membajak tanah. Manakala penolakan kos pengangkutan dibenarkan di semua negeri di atas kecuali negeri Terengganu (Lihat Lampiran J: Keputusan Jawatankuasa Fatwa

Terengganu Kali Ke-1 Penggal Ke-5 Membenarkan Penolakan Kos Tanaman). Walaupun hukum penolakan kos sudah diputuskan, hakikatnya di Terengganu hukum ini tidak dipraktikkan oleh golongan petani, sehinggakan ianya tidak dicatatkan di dalam pamflet panduan zakat pertanian MAIDAM 2012 (Lihat Lampiran B: Pamflet Zakat Pertanian MAIDAM). Menurut Tuan Zuhaimi Bin Tuan Sembok⁶¹ kebanyakan petani membayar zakat berniat *ibādah maḥḍah* yang bersifat *ta`abbud* yang terdiri daripada golongan petani yang berumur. Oleh itu, mereka berpegang kepada *qaul* jumhur fuqaha yang mentakrifkan kekayaan seseorang dengan hanya cukup kadar nisab. Golongan ini tidak menerima pakai pendapat berasaskan *qaul* Ibnu `Abbas dan Ibnu `Umar tentang keharusan penolakan kos-*kos darūriyyāt* dan keperluan asasi walaupun telah dimaklumkan oleh pihak MAIDAM.

Di Pulau Pinang terdapat satu lagi pelepasan yang dibenarkan pada tahun 2005 iaitu potongan luar jangka sebanyak $\frac{1}{4}$ seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain (Lampiran K: Keputusan Jawatankuasa Syariah MAIN Pulau Pinang Bil 1/2005: Memberikan Pelepasan Kos Operasi, Kos Sara Hidup dan Potongan Luar Jangka). Walaupun begitu, berdasarkan pendapat Ustaz Azhari Bin Ahmad⁶² dan juga pamphlet zakat tanaman padi 2012 tidak dinyatakan pelepasan ini, ini jelas menunjukkan ia sudah tidak diamalkan oleh Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Pulau Pinang (Lampiran C: Pamflet Zakat Pertanian PUZ MAINPP).

Berkenaan dengan penolakan kos sara hidup, hasil temu bual yang telah dijalankan mendapati hanya negeri Perlis dan Pulau Pinang sahaja yang membenarkan penolakan kesemua kos iaitu kos pengeluaran dan keperluan sara diri. Di Perlis penolakan kedua-dua kos ini telah diputuskan semenjak tahun 1980an oleh Jawatankuasa Fatwa Perlis ketika itu.

⁶¹ Tuan Zuhaimi Bin Tuan Sembok (Pegawai Eksekutif Taksiran Zakat, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temu bual dengan penulis, 03 Oktober 2012.

⁶² Ustaz Azhari Bin Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah Dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan Dan Pemasaran, Pusat Urus Zakat, MAINPP), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2012.

Mereka mengistinbatkan keharusan ini berdasarkan *qaul* Ibnu `Abbas, Ibn `Umar, Ahmad Ibnu Ḥanbal dan lain-lain dengan alasan hutang *ḍarūriyyāt* bagi persoalan penolakan kos operasi adalah masalah *ijtihādiyyah* berpandukan hadith, maksudnya:

“Diriwayatkan oleh Abū `Ubaid dalam bab al-Amwāl dengan sanadnya daripada Jābir bin Zaid dengan katanya kepada lelaki yang berhutang untuk digunakan bagi keperluan keluarganya dan ladangnya, katanya: Ibnu `Abbas berkata dipotong hutang yang bersangkutan dengan ladangnya, Ibnu `Umar berkata: dipotong hutang pengeluaran dan juga untuk keluarganya (sara diri).”

Yahyā bin Adam telah juga meriwayatkan seperti di atas, katanya: Ibnu `Umar berkata: hendaklah hasil daripada tanaman digunakan untuk membayar hutang terlebih dahulu dan dikeluarkan zakat yang baki daripadanya. Ibnū Abbās berkata: Ditunaikan terlebih dahulu apa yang dihutangkan sebagai kos pengeluaran dan bakinya dikeluarkan zakat.

Manakala penolakan keperluan asasi dan perbelanjaan *ḍarūriyyāt* berasaskan pendapat Ibnu `Umar yang menyatakan bahawa zakat dikenakan ke atas orang-orang kaya sahaja berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

Terjemahan: “Tidaklah bersedekah (berzakat) melainkan ke atas orang kaya⁶³”

Ini selari dengan hadis:

Terjemahan: “Diambil zakat dari orang kaya mereka dan dipulangkan ke atas orang fakir mereka”⁶⁴.

Ini kerana salah satu asnaf yang menjadi objektif kutipan zakat adalah membantu golongan fakir miskin sepertimana firman Allah s.w.t dalam surah at-Taubah ayat 60.

⁶³ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb Zakāt, Bāb Lā Sadaqah Illā ‘An Ṣahri Qhanī, no.Hadith 1360. Muhammad bin Ismā’il al-Bukhārī, *Ṣahīh al-Bukhārī*, (Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, 1993). Hadith sahih.

⁶⁴ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāt, Bāb Wujūb al-Zakāt, no.Hadith 1395, hadith sahih.

Secara amalnya di Perlis, penolakan kos pengeluaran secara amnya dibenarkan kepada seluruh warga petani, namun penolakan kesemua kos iaitu kos operasi dan sara diri hanya dibenarkan jika petani tersebut tidak mempunyai pendapatan yang lain selain daripada bertani. Baitulmal MAIPs mengimbangi di antara penetapan kadar dan penolakan kos-kos, misalnya sekiranya berlaku penolakan kos sebelum dizakatkan maka kadar yang dikenakan adalah sebanyak 10% (kadar asal). Keadaan kedua, sekiranya petani tidak menolak sebarang kos, maka kadar yang ditetapkan adalah sebesar 5% (kadar *rukṣah*).

Baitulmal MAIPs telah menetapkan formula yang khusus bagi penolakan kos keperluan sara diri meliputi keperluan diri petani dengan kadar sehari RM14.12, kadar keperluan sehari isteri RM8.47 dan kadar sehari bagi anak-anak adalah RM3.28. Manakala jumlah penolakan maksima setahun yang dibenarkan bagi keperluan diri petani, isteri dan anak-anak masing-masing RM5,000, RM3,000 dan RM1,200. Selain itu penolakan hutang *darūriyyāt* seperti kenderaan dan kediaman juga dibenarkan, begitu juga kos perubatan dan pemberian ihsan kepada ibu bapa (Lihat Lampiran D: Buku Panduan Mengeluarkan Zakat, Baitulmal MAIPs).

Di Pulau Pinang, Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.1/2005, Perkara 3.0 (e) telah mengesyorkan penolakan kos sara diri jika tidak mempunyai pendapatan yang lain sepertimana amalan di Perlis (Lihat Lampiran K: Keputusan Jawatankuasa Syariah MAIN Pulau Pinang Bil 1/2005: Memberikan Pelepasan Kos Operasi, Kos Sara Hidup dan Potongan Luar Jangka). Berdasarkan temu bual bersama Ustaz Azhari Bin Ahmad⁶⁵, realitinya hukum ini tidak diaplikasikan oleh Pusat Urus Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang walaupun sudah terdapat ketetapan Jawatankuasa Syariah dan ia tidak dimuatkan dalam pamflet zakat tanaman padi 2012 PUZPP.

⁶⁵ Ustaz Azhari Bin Ahmad (Pegawai Eksekutif Dakwah Dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan Dan Pemasaran, Pusat Urus Zakat, MAINPP), dalam temu bual dengan penulis, 18 September 2012.

3.6 Kesimpulan

Kesimpulan serta inti pati yang dapat diambil daripada perbincangan bab tiga ini ialah hukum zakat pertanian di Malaysia berdasarkan fatwa atau keputusan yang diputuskan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri sepertimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri.

Keseluruhan negeri di Malaysia hanya menghadkan zakat pertanian ke atas hasil tanaman padi dengan memakai *qaul* muktamad mazhab Syāfi`e iaitu mengenakan zakat ke atas makanan asasi sesuatu kawasan, termasuk negeri Perlis yang pada dasarnya tidak terikat dengan sesuatu pendapat dalam penetapan sesuatu hukum fatwa.

Baitulmal negeri-negeri telah bersepakat bahawa nisab zakat tanaman adalah 5 (*awsuq*), namun berbeza dari segi takaran gantang dan kilogram iaitu dengan beberapa kepelbagaian iaitu 363 gantang, 375 gantang dan 400 gantang. Begitu juga timbangan kilogram dengan takaran berbeza dengan 937kg, 1080kg, 1300kg dan 1306 gantang.

Ketidakselarasan juga berlaku berkaitan kadar zakat pertanian dengan sebahagian negeri mengenakan kadar tunggal sama ada 5% atau 10% sahaja, sebahagian lain pula memberikan alternatif berdasarkan kaedah pengairan sama ada kaedah semula jadi 10% atau memerlukan tenaga kerja jentera 5%. Terdapat juga negeri-negeri yang berjihad mengenakan kadar ketiga sebesar 7.5% jika melibatkan kedua-dua kaedah pengairan seperti yang diamalkan di Sarawak.

Timbul isu kewajaran penolakan kos-kos tertentu sebelum dikenakan zakat. Di Selangor zakat tanaman dikenakan ke atas hasil kasar sahaja, berbanding di negeri Sarawak, Pulau Pinang dan Terengganu zakat tanaman dikenakan selepas ditolak kos operasi. Kecuali di negeri Perlis dibenarkan penolakan kos operasi dan kos sara diri.